

Media Title : Harian Metro  
Headline : Rugi RM120k diperdaya 'pegawai keselamatan siber, pegawai polis'  
Date : 30 August 2024  
Section : Lokal  
Page : 26



**Kluang:** Seorang penjawat awam wanita kerugian hampir RM120,000 selepas terpedaya dengan helah individu menyamar sebagai pegawai keselamatan siber dan pegawai polis pada 8 Mei lalu.

Ketua Polis Daerah Kluang Asisten Komisioner Bahrin Mohd Noh berkata, mangsa dihubungi menerusi panggilan telefon terperanjat kerana didakwa terbabit dalam penyeludupan dadah dan pe-

## Rugi RM120k diperdaya 'pegawai keselamatan siber, pegawai polis'

ngubahan wang haram.

Menurutnya, disebabkan bimbangkan keselamatan diri, mangsa berusia 54 tahun mengikut arahan suspek supaya mengisi maklumat perbankan dalam pautan yang kononnya aplikasi Bank Negara Malaysia

(BNM).

"Pada malam 5 Jun lalu, mangsa menerima mesej terdapat 12 transaksi secara atas talian membabitkan akaun bank miliknya berjumlah RM119,300.

"Mangsa cuba menghubungi suspek bagi mendapat-

kan penjelasan, namun tidak berjaya. Mangsa yang mengesyaki ditipu tampil membuat laporan polis pada 23 Ogos lalu," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.